

## **JAWATAN PENTADBIRAN (KUMPULAN PELAKSANA)**

### **1. PEMBANTU PERPUSTAKAAN GRED S17 (TETAP : KEKOSONGAN 1)**

Tangga Gaji RM928.00 (Minimum) - RM3,375.00 (Maksimum)

Kelayakan:

- (a) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan  
(Gaji Permulaan: RM928.00)
- dan (b) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

### **Syarat Lantikan Tambahan**

- a) Bagi jawatan yang ditawarkan di Perpustakaan Kampus Pekan.
- b) Keutamaan kepada calon memiliki Kejujian sekurang-kurangnya C6 dalam Bahasa Inggeris pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia.

### **PENETAPAN GAJI PERMULAAN**

Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik UMP berasaskan pengalaman kerja atau kemahiran berkaitan.

### **SYARAT-SYARAT UMUM**

Pemohon-pemohon yang memohon jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat dalam skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

### **TARAF JAWATAN**

Jawatan akan dilantik secara **tetap**.

### **PERMOHONAN OLEH PEGAWAI YANG SEDANG BERKHIDMAT**

Pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah mengemukakan permohonan **melalui Ketua Jabatan** masing-masing dengan menyertakan salinan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan tiga (3) tahun terakhir, salinan Kenyataan Perkhidmatan yang terkini dan ulasan majikan sama ada menyokong atau tidak permohonan selaras dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012, Para 18.

## **UMUR PADA TARIKH TUTUP IKLAN**

Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan dan berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

## **CARA MEMOHON**

Permohonan hendaklah dibuat secara **Online** dengan mengisi maklumat pemohon di laman web rasmi UMP iaitu <http://www.ump.edu.my>. Calon diwajibkan mencetak **Surat Pengesahan Permohonan Online (Selepas tamat mengisi butiran permohonan melalui web rasmi UMP)**. Permohonan yang tidak dibuat secara **Online** melalui laman web rasmi UMP tidak akan dilayan.

Sila nyatakan jawatan yang dimohon di penjurua kiri muka hadapan sampul surat. Permohonan yang lengkap berserta dengan salinan-salinan sijil akademik dan lain-lain dokumen berkaitan hendaklah dihantar kepada :

## **PENDAFTAR**

**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG,  
LEBUHRAYA TUN RAZAK,  
26300 GAMBANG, KUANTAN,  
PAHANG DARUL MAKMUR  
(U/P : UNIT PERJAWATAN & CUTI BELAJAR,  
BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA)**

## **CATATAN AM**

- (a) Hanya permohonan yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temu duga.
- (b) Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan daripada tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- (c) Pemohon yang pernah membuat permohonan pada iklan-iklan yang lalu dinasihatkan mengemukakan semula permohonan jika masih berminat dan layak.

## **TARIKH TUTUP PERMOHONAN ATAS TALIAN**

**Pada 31 Januari 2014.**

## **TARIKH AKHIR PENERIMAAN DOKUMEN PERMOHONAN**

Tarikh akhir penerimaan dokumen permohonan setelah mengisi maklumat di laman web rasmi UMP, <http://www.ump.edu.my> adalah pada 7 Februari 2014.